

Jenis Akhbar : *Mingguan Malaysia*
Tarikh : *03/03/2019*
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 69*
Tajuk : *MAAB sasar wasiat RM30 bilion*

MAAB sasar wasiat RM30 bilion

KUALA LUMPUR 2

Mac - MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) menyasarkan jumlah terkumpul wasiat yang didaftar ke atas mereka sehingga akhir tahun ini bernilai RM30 bilion. Pengerusinya, Datuk Mohamad Ali Hasan berkata, nilai tersebut mampu dicapai melalui sasaran 100,000 wasiat pusaka yang bakal ditadbir pihaknya.

“Sasaran ini mampu dicapai melalui kerjasama perniagaan strategik berterusan, perancangan rapi serta pemasaran dari rakan korporatnya,” katanya ketika berucap dalam Majlis Makan Malam dan Anugerah Rakan Korporat MAAB 2018, di sini malam tadi.

Antara rakan korporat MAAB adalah 80 wakil syarikat, institusi kewangan dan agensi kerajaan.

MAAB merupakan anak syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dalam menguruskan perancangan harta pusaka, wasiat, hibah, amanah dan khidmat nasihat tanah.

Dalam pada itu, Presiden Angkasa, Datuk Fattah Abdullah berkata, syarikat tersebut ingin menambah jumlah koperasi daripada lima kepada 100 buah yang akan menjadi rakan strategik tahun ini.